

Anak bermasalah perlu perhatian

Oleh Ruhaiza Rusmin (ruhaizarusmin@mediaprima.com.my)

HARIAN METRO

Sebelum ini, insiden buli sering kali dianggap kes terencil yang hanya dilakukan sebagai 'tanda kemesraan' daripada pelajar senior kepada pelajar junior yang pertama kali melangkah ke asrama. Tahap 'penderaan' pula tidak keterlaluan dan hanya berlegar kepada khidmat mencuci kasut, menghidangkan air minuman atau membasuh baju.

Namun, apabila buli menjadi semakin keterlaluan dengan menggunakan kekerasan fizikal sebagai senjata utama, masyarakat seolah-olah tersentak dan melihat insiden ini perlu dibendung segera.

Apatah lagi, ia sudah menjadi viral di media sosial hingga menimbulkan rasa bimbang bukan saja dalam kalangan pelajar, malah ibu bapa yang bimbang keselamatan anak mereka. Pensyarah kanan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Ab Aziz Mohd Yatim berkata, insiden buli memerlukan kerjasama pelbagai pihak, bukan menunding jari kepada golongan tertentu sahaja.

Beliau berkata, warden, guru disiplin, kaunselor dan pihak sekolah adalah golongan paling terkesan dan dipersalahkan kerana dianggap gagal melaksanakan tugas mereka. "Sedangkan mereka perlu dibantu menerusi kaedah bersesuaian bagi menangani masalah tingkah laku pelajar." Pihak ini kurang diberi pendedahan sedang akan konsep pengajaran dan pembelajaran perlu lebih kreatif dan inovatif.

"Pada masa sama, cara pengendalian disiplin alternatif juga boleh diguna pakai," katanya. Berdasarkan hasil kajiannya selama hampir 20 tahun, beliau memperkenalkan modul Prodigy iaitu cara pendekatan baru bagi membantu menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Menurutnya, kaedah ini ternyata berlainan dengan pendekatan konvensional kerana dipenuhi elemen kasih sayang, pendekatan ilmiah serta perubahan cara pemikiran serta fizikal dalam menangani pelajar bermasalah.

"Kajian ini mendapati, masalah disiplin pelajar termasuk kesukaan membuli tidak boleh diselesaikan dengan kaedah serupa atau hukuman fizikal.

"Ini kerana kelompok ini mempunyai ego tinggi, biasa dimarahi dan didenda. Pendekatan berbentuk hukuman boleh menyebabkan mereka lebih memberontak.

"Masalah disiplin dalam kalangan golongan ini tidak mungkin berkurangan kerana kita menghukum bukan mendidik dan tidak memberi nilai kasih sayang," katanya.

Sebagai orang yang lebih tua atau berpengalaman, katanya, kita perlu sentiasa optimis, sabar serta tahu memberikan panduan yang baik kepada golongan pelajar bermasalah.

"Pelajar yang bermasalah memerlukan pendidik berkaliber bukan penjaga yang dibayar gaji semata-mata."Mungkin hasilnya lambat tetapi itu lebih bagus kerana mereka berubah kerana keinsafan diri.

"Jika dihukum dengan keras, mungkin rasa insaf seketika tapi kemudiannya memberontak semula dan mungkin lebih teruk," katanya.

Beliau berkata, isu ini bukan baru tetapi semua pihak masih buntu. Walaupun pelbagai mekanisme, pendekatan dan modul berbeza diguna pakai untuk mengatasi masalahnya.

"Justeru, ramai pihak 'letih' untuk menangani masalah ini hingga timbul kekecewaan.

"Itu satu tanggapan yang salah kerana kajian saya membuktikan, jika betul pendekatan diguna pakai, masalah ini boleh dibendung.

"Walaupun bukan sepenuhnya tapi langkah awal bagi mengelakkannya adalah lebih penting," katanya yang mengakui masalah disiplin ini disebabkan kurangnya perhatian ibu bapa untuk memahami kehendak anak mereka.

"Kita bukan mahu menyalahkan ibu bapa, namun banyak kajian membuktikan masalah ini bermula dari rumah.

"Ibu bapa sibuk dengan pelbagai urusan hingga anak menjadi bosan dan mencari sumber luar sebagai alternatif."Kajian saya juga mendapati ramai pelajar bermasalah sebenarnya dahagakan perhatian dan pelukan daripada ibu bapa mereka.Mengenai mekanisme sedia ada yang dikatakan gagal memberi keputusan melegakan, beliau berkata, semua mekanisme memang mahukan keputusan terbaik.

"Cuma mungkin cara yang digunakan itu gagal menambat hati atau gagal meninggalkan impak mendalam di hati pelajar."Buatlah mekanisme terbaik sekali pun, kalau gagal menawan hati pelajar, ia tidak akan berjaya kerana yang ingin dipulihkan ialah diri pelajar itu sendiri.

"Pemulihan perlu datang daripada keinsafan dan keinginan hati.

Bukan atas dasar paksaan dan perintah yang hanya menimbulkan keinsafan sementara atau dendam tak sudah," katanya.